

11/04/2002

Sukar berpoligami tiada kaitan sumbang mahram

reports on "Dewan Negara" by Munaarfah Abu Bakar
KUALA LUMPUR, Rabu - Seorang ahli Dewan Negara hari ini kecewa dengan pandangan dengkel seorang ahli politik bahawa kejadian sumbang mahram disebabkan lelaki tidak dibenarkan berpoligami.

Senator Datuk Hazizah Mohd Sultan ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong berkata, ahli politik itu dipetik akhbar pada 9 April lalu, sebagai berkata kejadian sumbang mahram berpunca apabila lelaki tidak dibenarkan berkahwin dua, tiga atau mengamalkan poligami.

"Kenyataan sebegini bukan memalukan wanita tetapi lelaki di Malaysia kerana ia jelas menunjukkan perangai lelaki yang lebih buruk dari nafsu binatang yang sanggup rogol anak sendiri," katanya.

Hazizah berkata, sumbang mahram tidak boleh disamakan langsung dengan taraf perkahwinan.

Malah, katanya, lelaki di negara ini bebas mengamalkan poligami asalkan berupaya bersikap adil dan mampu memenuhi semua syarat yang ditetapkan ajaran Islam.

"Tapi jika tidak boleh adil dan tidak mampu, baik kahwin satu saja. Wanita di Malaysia pun, bukan saja terpelajar malah berfikiran terbuka, jadi soal poligami tidak menjadi masalah.

"Jangan jadikan poligami sebagai pelepas nafsu kerana fikir apa balasan di akhirat nanti walau menangis air mata darah pun tak guna," katanya.

Hazizah meminta lelaki yang menjadi ketua keluarga, bersikap lebih bertanggungjawab menjadi suami dan bapa bagi menjaga kehormatan dan keselamatan ahli keluarganya.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana melaksanakan hukuman mandatori lebih berat terhadap pesalah rogol dan sumbang mahram demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan wanita.

Sementara itu, Senator Datuk Hamzah Zainudin berkata, sudah tiba masanya kerajaan meninggikan suara terhadap negara jiran bagi memastikan negara terbabit belajar menghormati hak Malaysia.

Dalam isu penambakan laut yang dilakukan Singapura, beliau bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar segala bentuk kerjasama dengan republik itu ditangguhkan jika republik itu masih meneruskan projek berkenaan.

Hamzah berkata, projek berkenaan boleh memberi kesan terhadap Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

"Malah, pendapatan nelayan di selatan tanah air juga terancam akibat tindakan Singapura. Kita perlu mengkaji semula sebarang kerjasama antara Malaysia dan republik itu jika mereka terus berdegil dan bersikap bongkak," katanya.

Beliau turut menyentuh isu keganasan Israel terhadap rakyat Palestin dengan meminta umat Islam di seluruh dunia bersatu bagi menghentikan kekejaman itu.

"Kita perlu bertindak segera dan kurangkan bercakap kerana segala gesaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah dan negara lain tidak dipedulikan Israel," katanya.

(END)